

Rang Undang-Undang DNA 2008 seiring perkembangan teknologi

Akta mampu pertingkat kewibawaan polis tangani jenayah

BH 21/8/08 MTS 28

RANG Undang-Undang Asid Deoksiribonukleik (DNA) 2008 dibentangkan di Parlimen, Isnin lalu mencetus banyak perdebatan dan sudah pasti akan ada orang terasa diri menjadi mangsa.

Namun, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sudah awal lagi meminta semua pihak supaya tidak mempolitikkan Rang Undang-Undang DNA 2008 itu, sambil menolak tanggapan kononnya ia ada kaitan dengan kes liwat yang dihadapi Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, hal yang berkaitan dengan DNA dan akta itu sudah lama hendak dibawa oleh kerajaan ke Parlimen. Bagaimanapun dalam teknologi dunia semakin canggih, pelbagai teknik, peralatan dan sistem dicipta untuk memudahkan tugas agensi penguatkuasaan, Malaysia tidak sepatutnya ketinggalan daripada menerima pakai teknologi yang kini melampaui pemikiran manusia.

Jika selama ini kita terpegun melihat kecekapan dan kemahiran 'polis' dalam drama Barat seperti *CSI*, sudah tiba masanya 'keajaiban' teknik DNA yang memang sudah lama digunakan pihak berkuasa negara maju, turut dipraktikkan di negara ini.

Bagi memastikan pelaksanaan teknik berbentuk forensik ini dapat dilakukan dengan sah dan tidak dianggap sebagai mencabul hak asasi manusia kerana ia memabitkan pengambilan sampel DNA daripada individu, maka Rang Undang-Undang DNA 2008 ini perlu diberi perhatian serius.

Rang undang-undang ini antara lain menyentuh mengenai tujuan penubuhan Bank Data DNA Forensik Malaysia, pengambilan sampel DNA, analisis forensik DNA dan akses maklumat. Analisis forensik dalam akta ini membawa erti 'apa-apa analisis yang dijalankan bagi maksud menentukan identiti seseorang'.

Peruntukan ini sekiranya diluluskan menetapkan Bank Data DNA Forensik Malaysia boleh mendapatkan sampel DNA, hanya melalui keizinan individu sekiranya mereka berusia 18 tahun ke atas, atau keizinan ibu bapa bagi yang berusia kurang 18 tahun.

Ia turut menggariskan dua jenis sampel boleh diperoleh melalui peruntukan ini, iaitu:

- Sampel bukan intim iaitu memabitkan sampel bulu selain bulu ari-ari; kuku atau dari bawah kuku; mana-mana bahagian tubuh seseorang; atau air liur.

- Sampel intim memabitkan darah, air mani, apa-apa tisu atau bendalir lain yang diambil daripada tubuh seperti air kencing atau bulu ari-ari; atau suatu bahan uji yang diambil dari mana-mana bahagian genital sese-

orang (termasuk bulu ari-ari atau dari lubang badan seseorang selain mulut).

Sampel ini boleh diambil daripada seseorang yang disyaki melakukan kesalahan, orang tahanan atau penagih dadah.

Walaupun rang undang-undang itu menyatakan pemberian sampel DNA perlu dibuat secara sukarela, memang wujud peruntukan bagi mereka yang enggan memberi atau menghalang sampel diambil. Ia boleh dianggap sebagai satu kesalahan dan jika disabit boleh didenda tidak melebihi RM10,000 atau dipenjarakan tidak lebih setahun atau kedua-duanya sekali.

Peruntukan yang perlu diberi perhatian serius ialah siapa yang boleh mendapat akses ke atas profil atau maklumat DNA ini.

Lebih penting peruntukan ini menyatakan 'maklumat dari Bank Data DNA ini adalah mukhtamad'. Artikel 24 menyatakan: 'Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, apa-apa maklumat daripada Bank Data DNA hendaklah diterima sebagai suatu bukti mukhtamad bagi identifikasi DNA dalam apa-apa proseding dalam mana-mana mahkamah'.

Sebenarnya, teknik mencari DNA melalui cap jari atau 'profil DNA' ini sudah ditemui pada pertengahan 1980-an dan ia kini adalah teknik paling popular di kebanyakan agensi penguatkuasaan negara dunia.

Bukti DNA hari ini bukan saja digunakan untuk menyiasat kes jenayah semasa, bahkan ia sudah banyak membantu kes lama yang tidak dapat diselesaikan. Antara kes popular di Amerika Syarikat memabitkan Colin Pitchfork dan OJ Simpson.

Sampel DNA yang diambil dari Pitchfork membolehkan pihak polis mensabitkan penjenayah itu dengan dua kes rogol dan pembunuhan iaitu Lynda Mann, 15, pada 1983 dan Dawn

“ Dalam teknologi dunia semakin canggih, pelbagai teknik, peralatan dan sistem dicipta untuk memudahkan tugas agensi penguatkuasaan, Malaysia tidak sepatutnya ketinggalan daripada menerima pakai teknologi yang kini melampaui pemikiran manusia”

Ashworth pada 1986.

Selepas menemui jalan buntu, polis di daerah Narborough, 160 kilometer dari London, mengambil satu langkah di luar kebiasaan apabila meminta sampel daripada lebih 4,000 lelaki untuk dibandingkan dengan bukti yang diperoleh di tempat kejadian.

Prosedur itu memakan masa enam bulan, tetapi tidak ada satu pun sampel DNA menyamai bukti yang ada. Kes itu hanya dilerai pada Ogos 1987, apabila seorang wanita terdengar perbualan rakan setugasnya yang 'menipu' ketika memberi sampel darah kepada polis.

Tindakan susulan polis, mendapati sampel darah Pitchfork menyamai sampel bukti dan akhirnya, menghumbankan dia ke penjara seumur hidup pada 1988.

Bagi bekas pemain bola keranjang, OJ Simpson, cara peguamnya mencipta keraguan mengenai kes pembunuhan isterinya, Nicole Brown dan rakan, Ronald Goldman, pada 1994, membebaskannya daripada tuduhan.

Namun, polis menggunakan teknik DNA dan bukti yang memang berat menyatakan Simpsons berada di tempat kejadian, membuatkan dia dibi-cara semula dan dipertanggungjawab atas pembunuhan terbabit. Simpson bagaimanapun hanya dikenakan hukuman membayar pampasan AS\$33.5 juta kepada keluarga kedua-dua mangsa.

Analisis DNA menjadi semakin penting sehingga peruntukan ini turut menggariskan 'kerjasama dengan agensi penguatkuasaan asing' yang antara lain membenarkan Ketua Bank Data DNA menerima permintaan agensi asing untuk membuat perbandingan profil DNA.

Kewujudan akta ini mungkin memberi sinar baru kepada banduan yang berhasrat untuk membebaskan diri daripada tuduhan jenayah. Banduan boleh membenarkan sampel DNA mereka diambil dan dianalisis, bagi menentukan kesahihan kesalahan yang didakwa dilakukan.

Di Amerika Syarikat, beberapa penjenayah yang sudah dijatuhkan hukuman, berjaya membatalkan hukuman selepas sampel DNA membuktikan mereka tidak bersalah - termasuk lebih 100 orang yang kini menunggu hukuman mati.

Kebanyakan kes ini disiasat oleh pelajar universiti atau sukarelawan dalam 'Innocence Project' (projek tidak bersalah), khusus membantu banduan yang silap dijatuhkan hukum.

Justeru, Rang Undang-Undang DNA 2008 yang dibentangkan bagi bacaan kali pertama di Parlimen Isnin lalu adalah penting untuk meningkatkan kewibawaan dan melancarkan tugas pihak berkuasa terutama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam meleraikan kes-kes jenayah yang semakin rumit dan terancang.